

Self-Favorability Bias (Part 5)

Azizi Hj Yahaya

5.0 KAJIAN-KAJIAN BERKAITAN MENGENAI “SELF-FAVOURABILITY BIASES”

Terdapat beberapa kajian yang dijalankan untuk melihat kewujudan “self-favourability biases” dalam laporan sendiri. Walau bagaimanapun, terdapat banyak masalah metodologikal yang lebih kompleks yang perlu diselesaikan sebelum boleh menginterpretasikan penemuan keatasku kumpulan kajian yang cenderung ke arah "overestimation bias" (bias terlebih jangkaan), “underestimation bias” (bias di bawah jangkaan) atau ketidakhadiran bias dalam laporan konsep sendiri.

Kajian oleh Wylie (1979) ini menunjukkan bahawa persoalan “self favorability bias” adalah satu aspek dari ketepatan persepsi sendiri atau “insight” (celik akal atau tanggapan). Dengan megambilkira trend berkumpulan terhadap bias “self favourability” dalam kajiannya, Wylie 1979 telah menyenaraikan soalan terhadap beberapa kajian sebelum membuat keputusan sama ada ia boleh memberi maklumat yang berkaitan terhadap hipotesis bahawa wujudnya self-favourability biases dalam kajian tersebut.

5.1 Kriteria Metodologikal Untuk Kajian

Terdapat empat jenis kriteria metodologikal yang perlu dalam memilih kajian yan sesuai untuk melihat kewujudan bias “self-favourability”.

5.1.1 Jenis Laporan Konsep Kendiri yang Tepat

Adakah subjek diminta memberikan jenis laporan sendiri yang tepat dalam kajian ini? Untuk memperkatakan tentang “self favourability biases”, seseorang mestilah mempunyai beberapa “standard” atau piawaian untuk menilai sama ada respons subjek adalah tidak bias, bias “favourably” (menguntungkan) yang tidak wajar atau bias “unfavourably” (tidak menguntungkan) yang tidak wajar. Oleh yang demikian, soalan pertama yang mesti diajukan ialah sama ada subjek telah diarahkan untuk memberi laporan sendiri berdasarkan standard yang akan dibuat perbandingan. Sebagai contoh, sikap peramah. Seseorang mungkin merasakan beliau merupakan seorang yang peramah (mungkin dinyatakan dalam laporan sendiri peribadi). Walau bagaimanapun, dia mungkin dapat merasakan bahawa orang lain tidak menganggapnya kawan yang peramah (mungkin ini akan dinyatakan dalam laporan sendiri sosialnya). Oleh itu, menggunakan laporan konsep sendiri peribadi dalam perbandingan antara laporan sendiri dengan pendapat orang lain tentang sifat peramahnya adalah tindakan yang tidak tepat. Satu-satunya perbandingan yang wajar digunakan ialah laporan konsep sendiri sosialnya dengan laporan konsep sendiri yang dibuat oleh orang lain terhadap dirinya.

Contoh lain ialah ciri-ciri kebolehan akademik. Seseorang mungkin merasakan bahawa dia tidak begitu berkebolehan dan ini dinyatakan dalam laporan sendiri peribadi. Walau bagaimanapun, dia juga merasakan gurunya berpendapat bahawa dia agak berkebolehan dalam

bidang akademik. Hal ini mungkin akan dinyatakan jika ada soalan dibentuk dalam laporan konsep sendiri sosial. Oleh yang demikian, jika standard laporan kendirinya yang akan dibandingkan berdasarkan kedudukan yang diberikan oleh guru mengenai dimensi kebolehan akademiknya, laporan konsep sendiri sosial wajar digunakan untuk melihat sama ada dia memberi laporan yang tidak bias (berat sebelah), laporan “unfavourably bias” yang tidak berasas atau “unduly favourably bias”.

Ramai pengkaji memilih jenis laporan sendiri yang tidak tepat. Contohnya, memilih laporan sendiri peribadi untuk menggambarkan ciri-ciri sosialnya atau memberi maklumat yang terlalu terhad sehingga seseorang tidak pasti bahawa sesuatu maklumat yang diberikan telah dijawab dengan tepat.

CONTINUE...